

Rahmawati suka cabaran

Awal pembabitan Rahmawati Nurdin dalam penulisan bermula dengan puisi dan cerpen untuk suka-suka.

Namun, kegemaran itu bertukar serius apabila karyanya mula terpampang dalam akhbar dan majalah sehingga mendorongnya memilih bidang komunikasi (kewartawan) di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Anak kelahiran Tawau, Sabah itu mengakui teruja dengan dunia kewartawanan yang disifatkannya mencabar kerana perlu berdepan dengan pelbagai keadaan tugas.

Latihan praktikal

Ketika menjalani latihan praktikal di stesen televisyen terkenal, Rahmawati berpeluang melihat keadaan sebenar kerjaya wartawan, khususnya dalam bidang penyiaran.

"Antara cabaran getir yang ditempuhi bila menjadi wartawan penyiaran adalah ketepatan masa untuk menyudahkan sesuatu tugas."

"Memang sukar. Tugas perlu disiapkan dalam masa yang ditetapkan."

"Kadangkala ada banyak halangan dalam proses menyiapkan tugas berkenaan," katanya.

Pengacaraan

Dia menganggap pengalaman latihan praktikal sebagai ruang baginya untuk belajar mengenai dunia penyiaran serta meningkatkan peluang yang ada dalam bidang pengacaraan.

Malah dalam dunia penyiaran, katanya,

setiap hari adalah masa untuk mempelajari sesuatu yang baru.

"Dalam proses untuk belajar, saya perlu banyak bertanya dengan mereka yang lebih berpengalaman seperti wartawan senior untuk mendapatkan tunjuk ajar daripada mereka."

"Jika diberi peluang menjadi wartawan penyiaran, saya lebih gemar untuk terabit dalam program berbentuk gaya hidup dan wanita," katanya.

Menulis rencana

Biarpun pendedahan yang diperoleh banyak dalam bidang wartawan penyiaran, Rahmawati turut menyimpan hasrat menjadi wartawan di media cetak.

Katanya, ruang penulisan di media cetak lebih luas cuma memerlukan masa bagi menajamkan kemahiran penulisannya khususnya dalam bentuk rencana.

Rahmawati yang aktif di kampus mengakui pengalaman luar bilik kuliah banyak mematangkanannya bagi menempuh cabaran dunia kerjaya kelak.

